



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

LAPORAN EKSEKUTIF

Amalan Terbaik

PENDIDIKAN ISLAM SEPANJANG HAYAT

Anjuran :
Kolej Komuniti Negeri Perak
Jabatan Agama Islam Negeri Perak



Hak Cipta @ Kolej Komuniti Sungai Siput
Terbitan pertama 2022

Hak cipta terpelihara.

Kesemua bahagian di dalam terbitan ini tidak boleh disiarkan atau diterbitkan semula dalam sebarang bentuk atau dengan apa cara sekalipun sama ada secara cetakan, mekanikal, penggambaran semula, perakaman dan sebagainya, tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Karnival Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (Ipoh : 2022)

LAPORAN EKSEKUTIF : Amalan Terbaik PENDIDIKAN ISLAM SEPANJANG HAYAT /
Anjuran : Kolej Komuniti Negeri Perak, Jabatan Agama Islam Negeri Perak.

Mode of access: Internet

eISBN 978-629-97488-0-9

1. Islamic religious education--Research--Malaysia.
2. Islamic education--Research--Malaysia.
3. Teaching and learning--Research--Malaysia.
4. Effective teaching--Research--Malaysia.
5. Government publications--Malaysia.
6. Electronic books.

I. Kolej Komuniti Negeri Perak. II. Perak. Jabatan Agama Islam Negeri.

III. Judul.

297.77

Penerbit :

Kolej Komuniti Sungai Siput
Kementerian Pengajian Tinggi
Kampung Sungai Sejuk,
Peti Surat 390
31100 Sungai Siput (U),
Perak Darul Ridzuan

 05-5971 440 / 5981

 05-5982 157

 www.kkss.edu.my

 facebook.com/kksungaisiput/

Isi Kandungan

SECEBIS KATA	i
PEMANIS BICARA	ii
PENGENALAN	iii

1 Pengajaran & Pembelajaran PISH

1.1	Pelaksanaan Dan Penggunaan Adobe Illustrator Di Kalangan Pelajar - Pelajar Pusat Pengajian Tahfiz Abu Bakar, Tanah Merah Kelantan Dalam Modul Ilustrasi Fesyen Digital	1-16
1.2	Amalan Terbaik Pengajaran Dan Pembelajaran Secara Transformatif Dalam Membudayakan Pendidikan Islam Sepanjang Hayat	17-30
1.3	PISH Tahfiz Berkemahiran TVET Bersama Kolej Komuniti Kuala Kangsar	31-40
1.4	Pembelajaran PISH : Asas Memanah Di Tadika Islam Perak Sekitar Daerah Kinta	41-51
1.5	Kursus Infografik Kreatif	52-63

2 PISH Bermodul

2.1	PISH Bermodul : Kluster Pembangunan Diri	64-83
-----	--	-------

Secebis Kata




Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera

Syukur Alhamdulillah Karnival Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (K-PISH) 2022 dapat dijayakan buat julung kalinya secara bersemuka dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dan Jabatan Agama Islam Perak. Penganjuran kali ini menyaksikan Kolej Komuniti Chenderoh sebagai tuan rumah K-PISH 2022.

Simposium Pendidikan Tahfiz Negeri Perak 2022 menghimpunkan kertas pembentangan amalan terbaik seluruh Malaysia dalam memperkasakan Pendidikan Islam Sepanjang Hayat adalah satu usaha yang sangat murni. Diharap dengan terhasilnya himpunan kertas penyelidikan amalan terbaik ini memberikan banyak manfaat kepada komuniti dan pensyarah kolej komuniti dalam proses penyampaian ilmu yang memberikan impak positif kepada masyarakat dan institusi.

Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua yang terlibat dalam Karnival Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (K-PISH) 2022. Tahniah juga diucapkan kepada semua pembentang dan jawatankuasa yang menjayakan Karnival Pendidikan Islam Sepanjang Hayat 2022. Moga kerjasama yang terjalin akan kekal bagi bersama-sama kita membangunkan ummah.

Sekian, terima kasih.


DATO' HAJI MOHD YUSOP BIN HAJI HUSIN
PENGARAH
JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Pemanis Bicara




Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera

Syukur alhamdulillah Karnival Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (K-PISH) 2022 dapat dijayakan buat julung kalinya secara bersemuka dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dan Jabatan Agama Islam Perak. Penganjuran kali ini menyaksikan Kolej Komuniti Chenderoh sebagai tuan rumah.

Amalan Terbaik Pendidikan Islam Sepanjang Hayat ini berjaya menghimpunkan kertas penyelidikan daripada warga penyelidik dalam memperkasakan Pendidikan Islam Sepanjang Hayat khasnya iaitu daripada warga Kolej Komuniti di seluruh malaysia. Sejajar dengan matlamat Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH), impak positif wajar dicontohi dan menjadi motivasi kepada seluruh warga pendidik kolej komuniti melalui kerjasama dan sebarluas ilmu di dalam membudayakan amalan terbaik.

Syabas diucapkan kepada semua yang telah bertungkus lumus bagi memastikan Amalan Terbaik Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) 2022 berjaya diterbitkan. Tahniah juga diucapkan kepada semua pembentang dan jawatankuasa yang menjayakan Karnival Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (K-PISH) 2022.

Sekian, terima kasih.



HJ. MEOR M. SHARIFUDDIN BIN MEOR SHUKRI
Pengarah
Kolej Komuniti Chenderoh

Pengenalan

“Best Practices” atau amalan terbaik merupakan hasil penemuan kepada kaedah atau teknik yang lebih baik bagi mencapai keputusan dan hasil terbaik. Amalan terbaik ini telah dipraktikkan oleh pendidik atau pensyarah Kolej Komuniti dan Politeknik secara umumnya dalam proses penyampaian Kokurikulum yang dapat memberi impak positif kepada pelajar dan institusi.

Sejajar dengan matlamat Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH), pendekatan positif yang membawa kepada hasil atau impak positif ini wajar disebarluas, dikongsi dan dicontohi kepada semua. Mediumnya adalah melalui jalinan kerjasama antara institusi supaya amalan terbaik ini dapat dibudayakan dari semasa ke semasa. Dengan itu, keperlbagaian idea baharu dapat dimanfaatkan dengan lebih meluas.

Pembentangan Amalan Terbaik PISH 2022 telah berlangsung pada 28 September 2022 bertempat di Institut Tadbiran Islam Negeri Perak, Ipoh. Pembentangan ini diadakan bersempena Karnival Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (K-PISH 2022) yang merupakan acara kemuncak kepada Program Latihan Kemahiran yang dilaksanakan bersama melalui jalinan Kolaborasi Jabatan Agama Islam Perak, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak, Kolej Komuniti Perak dan Maahad Tahfiz seluruh Negeri Perak ini telah diadakan Pembentangan Amalan Terbaik PISH 2022. Penyertaan adalah percuma dan telah menerima sebanyak empat belas (14) kertas pembentangan dari kalangan pensyarah Kolej Komuniti dan Politeknik berdasarkan kepada kategori berikut:

- Kategori I : Pengajaran & Pembelajaran PISH
- Kategori II : PISH Bermodul
- Kategori III : Kolaborasi PISH
- Kategori IV : Pengurusan PISH
- Kategori V : Program PISH Berimpak Tinggi

PEMBELAJARAN PISH: ASAS MEMANAH DI TADIKA ISLAM PERAK SEKITAR DAERAH KINTA

**Mohammad Mursyeed Bin Ramli¹, Mohd. Afizan bin Ali²
& Abdul Hardy bin Suparna³**

^{1 2 3} Kolej Komuniti Chenderoh, Perak

ABSTRAK

Aktiviti sukan memanah bukan hanya semata-mata sebuah aktiviti sukan biasa, sebaliknya memanah merupakan antara sunnah yang dituntut untuk umat Islam mempelajarinya, selain berenang dan menunggang kuda. Merujuk kepada kitab-kitab hadis muktabar, maka kita akan menjumpai banyak hadis Rasulullah yang menyarankan agar umat baginda mempelajari sukan memanah ini. Sukan memanah ini bukan hanya untuk memburu atau mempertahankan diri, sukan memanah ini sebenarnya melatih pengamalnya untuk meningkatkan konsentrasi, fokus, ketenangan, keyakinan, kesabaran, refleks hinggalah melatih kesabaran dan pengendalian emosi. Maka, Kolej Komuniti Chenderoh dengan kerjasama Tadika Islam Perak sekitar daerah Kinta telah melaksanakan beberapa siri kursus asas memanah di Tadika Islam Perak sekitar daerah Kinta. Kursus ini diadakan bertujuan untuk melahirkan generasi muda Islam yang sihat dan menyintai sukan memanah yang merupakan salah satu sunnah baginda Rasulullah s.a.w.

Kata kunci: PISH, memanah, sunnah Rasulullah

1.0 PENGENALAN

Daripada Ibn Umar RA bahawa Nabi SAW bersabda:

عَلِّمُوا أَبْنَاءَكُمْ السَّيِّبَةَ وَالرَّمِيَّ

Maksudnya: “Ajarlah anak kamu berenang dan memanah”.

Lihat: al-Jami’ al-Saghir (5477)

Berdasarkan hadis di atas berikut, jelas menunjukkan bahawa aktiviti sukan memanah merupakan antara sunnah yang dituntut untuk umat Islam mempelajarinya, selain berenang dan menunggang kuda.

Sukan memanah sering kali dianggap sebagai suatu kaedah mempertahankan diri selain untuk memburu. Namun, sains sukan telah membuktikan bahawa sukan memanah ini sebenarnya melatih pengamalnya untuk meningkatkan konsentrasi, fokus, ketenangan, keyakinan, kesabaran, refleks hinggalah melatih kesabaran dan pengendalian emosi. Sehubungan itu, satu inisiatif telah diambil untuk melahirkan generasi muda Islam yang sihat dan menyintai sukan memanah yang merupakan salah satu sunnah baginda Rasulullah s.a.w.

Sehubungan itu, Kolej Komuniti Chenderoh telah mengambil inisiatif berkolaborasi dengan beberapa Tadika Islam Perak sekitar Daerah Kinta untuk menjalankan kursus asas memanah. Kursus ini telah dilaksanakan tahun 2022. Antara Tadika Islam Perak yang telah menjalani kursus ini ialah:

- i. Kursus Asas Memanah Bersama TIP
27 Mei 2022 (Jumaat)
Tadika Islam Perak Madrasah Taufikiah Ipoh
30 peserta
- ii. Kursus Asas Memanah Bersama TIP
14 Jun 2022 (Selasa)
Tadika Islam Perak Masjid Ghufuran Manjoi Ipoh
34 peserta
- iii. Kursus Asas Memanah Bersama TIP
21Jun 2022 (Selasa)
Tadika Islam Perak Osmaniah Ipoh
46 peserta

- 
- iv. Kursus Asas Memanah Bersama TIP
23 Jun 2022 (Khamis)
Tadika Islam Perak Masjid Jamek Chemor
90 peserta
 - v. Kursus Asas Memanah Bersama TIP
24 Jun 2022 (Jumaat)
Tadika Islam Perak Al-Muttaqin Meru Ipoh
60 peserta
 - vi. Kursus Asas Memanah Bersama TIP
30 Jun 2022 (Khamis)
Tadika Islam Perak Al-Ehsan Chandan Desa
30 peserta
 - vii. Kursus Memanah Bersama TIP
14 Julai 2022 (Khamis)
Tadika Islam Masjid Sultan Azlan Shah, Ipoh
45 peserta
 - viii. Kursus Memanah Bersama TIP
29 Julai 2022 (Jumaat)
Tadika Islam Perak Pasir Puteh
30 peserta.

2.0 RASIONAL DAN JUSTIFIKASI AMALAN BAIK

Justifikasi amalan baik program PISH bagi kluster sains kesihatan ini adalah seperti butiran berikut.:

- i. Memupuk minat, semangat kerjasama dalam kalangan murid-murid Tadika Islam Perak melalui aktiviti sukan memanah.
- ii. Mengenali peralatan memanah seperti busur dan aksesori.
- iii. Mempelajari cara-cara memanah, keselamatan semasa memanah dan etika di lapang sasaran.
- iv. Mengetahui teknik penjagaan peralatan memanah dan latihan memanah.
- v. Melahirkan generasi muda Islam yang seimbang dari segi rohani, jasmani, emosi dan intelek.

3.0 METODOLOGI / KAEDAH PELAKSANAAN

Pembelajaran PISH: asas memanah di Tadika Islam Perak sekitar daerah Kinta telah dilaksanakan secara bersemuka sepenuhnya. Sebanyak 8 buah Tadika Islam Perak daerah Kinta telah terlibat bermula dari Mei 2022 sehingga Julai 2022.



Gambar 1 : Poster Kursus Asas Memanah

Kursus ini dibimbing oleh Encik Mohd Syafawi bin Ibrahim, Pembantu Pustakawan Kolej Komuniti Chenderoh yang mempunyai tauliah sebagai jurulatih memanah tradisional. Turut membantu mengajar asas memanah ini ialah Encik Mohd Rahimi bin Sulaiman, Pembantu Operasi Kolej Komuniti Chenderoh.

4.0 PERANAN CALON DALAM AMALAN BAIK

Antara peranan calon dalam amalan baik ini adalah seperti berikut :

- i. Pengerusi Kelab Memanah Kolej Komuniti Chenderoh yang membantu perancangan kursus dan penyediaan peralatan memanah.
- ii. Pencetus idea dan penyedia kertas kerja kursus asas memanah.
- iii. Mengadakan perbincangan bersama pihak pengurusan Tadika Islam Perak sekitar daerah Kinta bagi menjayakan kursus ini.
- iv. Menjadi penyelarass kursus bagi urusan sebelum, semasa dan selepas tamat kursus dari aspek dokumentasi dan pelaporan.
- v. Membantu jurulatih dalam mengelolakan kursus bagi memastikan kelancaran dan keselamatan sepanjang kursus berlangsung.

5.0 IMPAK AMALAN BAIK KEPADA PESERTA DAN INSTITUSI

Antara impak pelaksanaan program PISH bagi kluster sains kesihatan kursus asas memanah ini dapat disimpulkan kepada beberapa perkara berikut :

- i. Memenuhi KPI PISH Kolej Komuniti Chenderoh.
- ii. Membantu Tadika Islam Perak memenuhi kehendak kurikulum mereka yang memerlukan pembelajaran sukan memanah, menunggang kuda dan berenang diajar kepada para pelajar.
- iii. Membantu para pelajar mengenali, memahami dan mencintai sukan memanah yang merupakan sunnah Rasulullah s.a.w.
- iv. Mencungkil bakat terpendam dalam kalangan pelajar Tadika Islam Perak dalam sukan memanah.
- v. Membantu untuk melahirkan kumpulan pelaja yang mempunyai konsentrasi, fokus, ketenangan, keyakinan, kesabaran dan refleks yang baik dan seimbang.
- vi. Mewujudkan ruang dan peluang untuk menjalinkan lebih banyak kolaborasi antara Kolej Komuniti Chenderoh dan Tadika Islam Perak dalam pelaksanaan kursus-kursus PISH yang lain.

LAMPIRAN



Gambar 1: Sesi penerangan pengenalan kepada alatan memanah dan langkah-langkah keselamatan Encik Mohd Syafawi di Tadika Islam Perak Al-Muttaqin Meru Ipoh



Gambar 2: Tunjuk cara meletakkan anak panah pada busur kepada pelajar Tadika Islam Perak Masjid Jamek Chemor



Gambar 3 : En Mohd. Rahimi menunjuk cara asas memanah kepada pelajar Tadika Islam Perak Al-Ehsan Chandan Desa

LAMPIRAN



Gambar 4 : Praktikal asas memanah kepada pelajar Tadika Islam Perak Masjid Jamek Chemor



Gambar 5 : Jurulatih menunjuk ajar kaedah memanah kepada pelajar Tadika Islam Osmaniah Ipoh

LAMPIRAN



Gambar 6: Peserta kursus dari Tadika Islam Perak Al-Ehsan Chandan Desa



Gambar 7 : Antara peserta kursus dari Tadika Islam Perak Al-Muttaqin Meru Ipoh



Gambar 8: Peserta kursus dari Tadika Islam Perak Osmaniah Ipoh



RUJUKAN

- AYUB, M. M. (2016, Disember 14). *Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*. Didapatkan dari Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan: <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-al-hadith/1042-irsyad-al-hadith-siri-ke-150-memanah-berenang-dan-berkuda>
- Mohamad, N. I. (2018, November 27). *Berita Harian Online*. Retrieved from Berita Harian Online: <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2018/11/502448/aktiviti-memanah-dituntut-sunnah>
- Syafiq, A. (2017, Oktober 21). *Bersama Dakwah*. Retrieved from Bersama Dakwah: <https://bersamadakwah.net/inilah-hadits-hadits-tentang-keutamaan-memanah/>



Kesimpulan

Inisiatif untuk mengadakan jalinan kerjasama dengan pelbagai pihak untuk mengumpulkan dan mengadakan kompilasi Pembentangan Amalan Terbaik Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) ini merupakan satu kolaborasi yang memberikan impak positif kepada semua yang terlibat. Lima (5) kategori penulisan yang dibentangkan adalah Program PISH berimpak Tinggi, Kolaborasi PISH, PISH Bermodul, Pengajaran & Pembelajaran PISH dan Pengurusan PISH. Kesemua penulisan diasingkan mengikut kategori. Matlamat utama adalah untuk memberi penghargaan kepada penghasilan karya asli, hasil amalan baik / *'Best Practices'* yang sangat kreatif, berdasarkan kebolehan mencipta, menghasilkan dan menyumbangkan idea baharu dan pelbagai. Inovatif dalam memperkenalkan kaedah, sistem yang lain-lain. Efektif sebagai sumber rujukan iaitu sebagai panduan kepada penyelesaian masalah dan Efisien iaitu keterampilan untuk menjadi penanda aras yang boleh diikuti dan dimanfaatkan bagi memantapkan pelaksanaan PISH di kalangan warga Politeknik dan Kolej Komuniti seluruh Malaysia.

Sidang Penerbitan (Induk)



Pendaung :

Pengarah

Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk)

Ketua Pengarah

Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti

Ketua Pegawai Eksekutif

Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak



Penasihat :

Pengarah Bahagian Kurikulum

Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti

Timbalan Pengarah Bahagian Kurikulum (Unit PSH)

Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti



Pengerusi Bersama :

Haji Meor M. Sharifuddin Bin Meor Shukri

Pengarah Kolej Komuniti Chenderoh

Haji Mohd Zulkhairi Bin Mohd Nor

Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pendidikan JAIPk

Pengarah Kolej Komuniti Negeri Perak



Pengarah Program Bersama :

Haji Faiz Bin Muhammad Rafaai

Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pendidikan JAIPk

Ustaz Mohd Rashidi Bin Omar

Ketua Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat KKCP

Sidang Redaksi

✦ Pengerusi Redaksi:

Hj. Ahmad Rizal Bin Omar
Pengarah
Kolej Komuniti Sungai Siput

✦ Timbalan Pengerusi Redaksi:

Mohd Zairulniza Bin Jaludin
Timbalan Pengarah (Akademik)
Kolej Komuniti Sungai Siput

✦ Setiausaha:

Rozana Binti Ahmad Hanip

✦ Editor & Pendaftaran & ISBN :

Mohd Shafiee Bin Hassan (K)
Mohamad Yasir Bin Abdul Rahman
Nor Hafizah Binti Abu Bakar

✦ Pereka Grafik :

Noor Aniza Binti Azman (K)
Siti Nazha Binti Naan

✦ Teks Ucapan:

Siti Hafiza Binti Othman (K)
Norhasmah Binti Kasim



Hak Cipta @
KOLEJ KOMUNITI SUNGAI SIPUT
(KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI)
Kampung Sungai Sejuk, Peti Surat 390
31100 Sungai Siput Utara
Perak Darul Ridzuan

e ISBN 978-629-97488-0-9

